

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	15/05/2012

Dr. Mahathir tokoh membaca kebangsaan

UM - 15 / 5 / 2012

KUALA LUMPUR 14 Mei - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dilantik sebagai Ikon Membaca Kebangsaan 2012 sejajar dengan keterampilannya yang amat mencintai buku, berpengetahuan luas dan gemar membaca.

Pelantikan tersebut disempurnakan oleh Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada majlis pelancaran Ikon Membaca Kebangsaan di Perpustakaan Negara Malaysia (PNNM) di sini hari ini.

Pelantikan itu sebagai penghargaan kepada Dr. Mahathir atas kejayaan beliau membangunkan negara dengan tahap pengetahuan luas yang berasaskan pembacaan.

Ia juga sebahagian daripada usaha PNM untuk memperkasakan promosi galakan membaca dengan lebih meluas menerusi contoh yang ditonjolkan negarawan tersebut.